

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA (JRH)

Tarikh : 04/03/2021 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Microsoft Teams
Tajuk Kertas : Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0 Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise (SPPE 2.0)

Kehadiran:

1. Puan Norazlina Tun Ibrahim - Pengerusi JRH
2. Puan Wan Khairunnisa Azmi - Ahli JRH 1
3. Encik Isram Azhar - Ahli JRH 3
4. Puan Kartin Haslinda Che Mat – Pengurus PACS/OED
5. Encik Kamaruzaman Jahidin – Wakil Pembekal, Syarikat Powernode Solution

AGENDA

1.0 Ucapan Pengerusi Mesyuarat.

- 1.1 Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran semua bagi membincangkan kertas Penilaian Sebut Harga B yang bertajuk Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0 Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise (SPPE 2.0), terutama kepada wakil syarikat pembekal iaitu Encik Kamaruzaman Jahidin.
- 1.2 Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk memenuhi tatacara perolehan berkaitan Garis Panduan Rundingan Harga bagi Rundingan Sebut Harga B.

MAKLUMAN

2.0 Rundingan Harga dengan Syarikat Powernode Solution.

- 2.1 Kos yang ditawarkan untuk tempoh pembangunan sistem seperti yang dicadangkan ialah sebanyak RM49,500.00.
- 2.2 Syarikat pembekal Powernode Solution bersetuju untuk memberikan pengurangan harga sebanyak 2% iaitu bersamaan RM1,000.00.
- 2.3 Kos bekalan perkhidmatan yang ditawarkan selepas pengurangan harga di atas ialah RM48,500.00.

TINDAKAN : POWERNODE SOLUTION

3.0 Penangguhan Mesyuarat

3.1 Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 9.30pagi setelah mendapat persetujuan dari kedua-dua pihak yang terlibat. Pengerusi turut mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.

Disediakan oleh :



Kartir Haslinda Che Mat
Pengurus, Unit PACS

Disemak dan Di Sahkan :




Norazlina Tun Ibrahim
Pengerusi JRH



Wan Khairunnisa Azmi
Ahli JRH

Diperakui dan Setuju Terima Oleh:



Kamaruzaman Jahidin
Powernode Solution

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT

MESYUARAT JAWATAN KUASA RUNDINGAN HARGA (JRH)

TARIKH : 4 MAC 2021 (KHAMIS)


MASA : 9.00 PAGI

TEMPAT : SECARA ATAS TALIAN (Link seperti di di bawah)

https://teams.microsoft.com/l/meetupjoin/19%3ameeting_ODExNTM5YzltMDQxYS00MTgzLWEzZGQtNTk2MGRiNDNjZjI0%40thread.v2/0?context=%7b%22id%22%3a%22704bb254aa814863945539c9fbc01cac%22%2c%22oid%22%3a%22f6ed0b01-7f22-40f8-8567-4ed71f286f38%22%7d

TAJUK KERTAS:

PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM DIGITALISASI KE ARAH INDUSTRI 4.0 MELALUI PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRISE (SPPE 2.0)

	Ahli Mesyuarat	Tanda Tangan
1.	Puan Norazlina Tun Ibrahim	
2.	Puan Wan Khairunnisa Azmi	
3.	Encik Isram Azhar	
4.	Puan Kartin Haslinda Che Mat	
5.	Encik Kamaruzaman Jahidin	

* Akuan selesai tugas Jawatan kuasa Rundingan Harga (JRH)

Merujuk kepada mesyuarat di atas, kami adalah dengan sesungguhnya dan seterusnya mengisytiharkan bahawa :

1. Kami telah menjalankan tugas sebagai Pengerusi/Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga (JRH) tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
2. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat kami mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh kami;
3. Kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88); dan
4. Kami sesungguhnya faham bahawa jika kami melanggar mana-mana terma dalam Akuan ini, kami boleh dikenakan Tindakan di bawah Akta 605, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.